

Oleh Presiden
Dieter F. Uchtdorf

Penasihat Kedua di
dalam Presidensi Utama



Mengapa Kita Perluhan Nabi-nabi?

Kerana Bapa Syurgawi menyayangi anak-anakNya, Dia tidak meninggalkan mereka untuk berjejak kaki dalam hidup fana ini tanpa arahan dan bimbingan. Pengajaran Bapa Syurgawi kita bukan biasa, tidak dapat diramalkan, dan bukan buku yang sederhana yang boleh anda beli dari kedai buku. PengajaranNya adalah ilmu dari seorang yang selestial yang maha kuasa, yang mengetahui segala-gala, yang menyayangi anak-anakNya. FirmanNya mengandungi rahsia yang terpenting—kunci kepada kegembiraan dalam hidup ini dan dalam dunia yang akan datang.

Bapa Syurgawi mewahyukan kebijaksanaan ini kepada anak-anakNya pada bumi ini melalui hambaNya para nabi (lihat Amos 3:7). Semenjak hari Adam, Tuhan sudah berfirman dan menasihati kepada orang lain melalui wahyu kepada orang yang dipilihNya. Para nabi adalah pengajar yang berilham dan saksi istimewa Yesus Kristus (lihat A&P 107:23). Para Nabi tidak hanya berucap kepada orang pada zaman mereka, tetapi mereka juga berucap kepada orang dari semua zaman. Kata-kata mereka adalah sama pada zaman lalu dan zaman akan datang sebagai kesaksian tentang keinginan Tuhan kepada anak-anakNya.

Hari ini tidak berbeza dari zaman lalu. Tuhan sayang orang pada zaman kita sebanyak dia

menyayangi orang zaman lalu. Salah satu pesanan yang mulia tentang Pemulihan Gereja Yesus Kristus adalah bahawa Tuhan terus berfirman kepada anak-anakNya! Dia tidak tersembunyi dalam syurga tetapi Dia berucap hari ini seperti yang telah Dia lakukan pada zaman purba.

Kebanyakan perkara yang diwahyu oleh Tuhan kepada para nabiNya bertujuan untuk mengelakkan kesedihan untuk menjatuh ke atas kita dan ke atas masyarakat. Bila Tuhan berfirman, Dia berfirman untuk mengajar, mengilhamkan, dan memberi amaran kepada anak-anakNya. Bila individu dan masyarakat tidak mempedulikan arahan Bapa Syurgawi, mereka membahayakan diri mereka dan akan menemui cubaan, kesengsaraan, dan keberatan.

Tuhan menyayangi semua anak-anakNya. Inilah sebabnya Dia merayu kepada kita dengan bersungguh-sungguhnya melalui para nabiNya. Seperti kita inginkan yang paling baik bagi orang yang kita kasihi, Bapa Syurgawi inginkan yang paling baik bagi kita. Inilah sebabnya arahanNya adalah penting dan kadang kala cemas. Inilah sebabnya Dia belum meninggalkan kita pada hari ini tetapi terus mewahyukan keinginannya melalui para nabiNya. Takdir kita dan takdir dunia kita bergantung pada kedengaran dan pematuhan

kita terhadap kata-kata yang diwahyu Tuhan kepada anak-anakNya.

Arahan Tuhan kepada manusia yang sangat berharga boleh didapati dalam Alkitab, Kitab Mormon, Ajaran dan Perjanjian, dan Mutiara yang Sangat Berharga. Sebagai tambahan, Tuhan berfirman kepada kita melalui para hambaNya, seperti yang akan Dia lakukan lagi dalam persidangan umum yang akan datang.

Kepada mereka yang tertanya-tanya sama ada perkara ini adalah benar—mungkin menanya soalan ini, “Mungkinkah Tuhan berfirman kepada kita hari ini?”—dengan segala hati saya, saya menjemput anda untuk “marilah lihat” (Yohanes 1:46). Bacakan kata-kata Tuhan yang didapati dalam kitab-kitab suci. Dengarkanlah persidangan umum dengan telinga yang rela untuk mendengar suara Tuhan, melalui para nabi zaman akhirNya. Marilah dengar dan lihat dengan hati anda! Dan jika anda “bertanya dengan hati yang tulus, dengan maksud yang sungguh-sungguh, memiliki iman kepada Kristus, [Tuhan] akan menyatakan kebenaran darinya kepadamu, melalui kuasa Roh Kudus” (Moroni 10:4). Dengan dan melalui kuasa ini, saya tahu bahawa Yesus Kristus hidup dan membimbing GerejaNya melalui seorang nabi yang hidup, iaitu Presiden Thomas S. Monson.

Saudara dan saudari, Tuhan berfirman kepada kita pada hari ini. Dan Dia inginkan semua anak-anakNya mendengari dan mematuhi suaraNya. Bila kita berbuat demikian, Tuhan akan memberkat dan menyokong kita dengan hebatnya, dalam hidup ini sampai dunia yang akan datang.

REMAJA

Dipimpin oleh seorang Nabi Hidup

Oleh Christy Ripa

Bila saya berumur 16, saya berpeluang untuk menghadiri persidangan umum buat kali pertama. Keluarga saya mendiami di Oregon barat, USA, dan kami memandu kereta ke Utah untuk menghadiri persidangan dan untuk menghantarkan abang saya pada pusat latihan mubaligh.

Saya pergi ke persidangan dengan satu hasrat untuk diajar oleh Roh Kudus. Sebagai akibatnya, saya menerima satu pernyataan dari Roh yang mungkin tidak dapat saya terima jika saya tidak sedia.

Semasa salah satu sesi, semua orang berdiri dan menyanyikan lahu rohani jemaah, “Guide Us, O Thou Great Jehovah.” Semasa kami menyanyi, satu impresi yang jelas datang kepada saya untuk memandangi sekitar Pusat Persidangan. Saya buat demikian dan dipengaruhi oleh kuasa kesatuan dari beribu-ribu orang di situ semasa kami menyanyi untuk memuji Tuhan.

Dan saya mempunyai satu pengalaman di mana saya berasa seperti Nefi bila dia menampak penglihatan pokok kehidupan, kerana Roh berucap kepada saya, “Lihatlah” (Lihat1 Nefi 11–14). Saya memandangi ke Presiden Thomas S. Monson dan berasa bahawa kesatuan Gereja wujud kerana kita dibimbing oleh seorang nabi yang hidup. Melalui kesaksian Roh Kudus, saya tahu bahawa Presiden Monson adalah nabi yang benar bagi zaman kita, dan saya tahu bahawa Yesus Kristus memimpin GerejaNya melalui nabi.



Iman, Keluarga, Pertolongan

Anak-anak Perempuan dalam Kerajaan Saya

Pelajarilah pesan ini dan, sebagaimana sesuai, berbicara mengenainya dengan saudari-saudari yang anda kunjungi. Gunakanlah soalan-soalan yang diberikan untuk menolong anda menguatkan para saudari yang anda ajar dan juga untuk membuat Lembaga Pertolongan suatu bahagian yang giat dalam kehidupan anda.

Kita anak-anak perempuan Bapa Syurgawi kita. Dia mengenali kita, menyayangi kita, dan mempunyai satu rancangan bagi kita. Sebahagian dari rancangan itu termasuk datang ke bumi ini untuk belajar memilih kebaikan dan kejahatan. Bila kita memilih untuk mematuhi perintah-perintah Tuhan, kita menghormati Dia dan mengiktirafkan identiti kita sebagai anak-anak perempuan Tuhan. Lembaga Pertolongan menolong kita untuk mengingatkan pusaka ilahi ini.

Lembaga Pertolongan dan sejarahnya memperkuat dan menyokong kita. Julie B. Beck, presiden umum Lembaga Pertolongan, berkata: "Sebagai anak-anak perempuan Tuhan, anda bersedia demi jawatan abadi, dan anda masing-masing memiliki identiti, sifat semula jadi, dan tanggungjawab wanita. Kejayaan keluarga, komuniti, Gereja ini, dan rancangan penyelamatan yang berharga bergantung pada iman anda. . . . [Bapa Syurgawi] kita menubuhkan Lembaga Pertolongan demi tujuan untuk menolong membina umatNya dan menyediakan mereka demi berkat bait suci. Dia menubuhkan [Lembaga Pertolongan] untuk menjajarkan anak-anak

perempuanNya dengan kerjanya dan untuk menugaskan mereka untuk menolong membina kerajaanNya dan memperkukuhkan rumah tangga di Sion."¹

Bapa Syurgawi kita sudah memberikan kita kerja tertentu untuk menolong membina kerajaanNya. Dia juga sudah memberkat kita dengan kurnia rohani yang kita perlukan untuk mencapai kerja itu. Melalui Lembaga Pertolongan, kita bersempatan untuk menggunakan kurnia kita untuk memperkuat keluarga, untuk menolong mereka yang berkeperluan, dan untuk belajar cara untuk hidup sebagai pengikut-pengikut Yesus Kristus.

Presiden Dieter F. Uchtdorf, Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama, berucap tentang penganutan: "Dengan berjalan pada jalan penganutan dengan hati yang sabar, kita menunjukkan kepada diri sendiri ketinggian iman kita dan kerelaan kita untuk menerima kehendak Tuhan dan bukan kehendak diri sendiri."²

Marilah kita mengingati bahawa kita adalah anak-anak perempuan Tuhan dan berusaha untuk hidup sebagai pengikut-pengikutNya. Bila kita buat demikian, kita akan menolong untuk membina kerajaan

Tuhan pada bumi ini dan menjadi layak untuk kembali ke hadirannya.

Dari Sejarah Kita

Pada hari bulan April 28, 1842, Nabi Joseph Smith berucap kepada para saudari dalam Lembaga Pertolongan: "Anda sekarang diletakkan dalam satu situasi di mana anda boleh bertindak menurut perasaan-perasaan yang sudah ditanam oleh Tuhan dalam [jiwa anda]. . . . Jika anda hidup mengikut hak istimewa anda, para malaikat tidak dapat ditahan dari menjadi rakan-rakan anda."³

Mengenali kuasa Lembaga Pertolongan untuk melayan orang lain dan untuk membantu individu meningkatkan iman, Zina D. H. Young, presiden umum Lembaga Pertolongan ketiga, menjanjikan para saudari pada tahun 1893, "Jika anda mencari-carikan dalam hati anda, anda akan mendapati, dengan bantuan Roh Tuhan, satu mutiara yang sangat berharga, satu kesaksian tentang kerja ini."⁴

NOTA

1. Julie B. Beck, "Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society," *Liahona*, Nov. 2010, 112, 114.
2. Dieter F. Uchtdorf, "The Way of the Disciple," *Liahona*, Mei 2009, 76.
3. Joseph Smith, *History of the Church*, 4:605.
4. Zina D. H. Young, "How I Gained My Testimony of the Truth," *Young Woman's Journal*, Apr. 1893, 319.

Dari Tulisan Suci

Zakharia 2:10; Ajaran dan Perjanjian 25:1, 10, 16; 138:38–39, 56; “Keluarga: Satu Perisytiharaan Kepada Dunia” (*Liahona* dan *Ensign*, Nov.2010, 129)

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

- 1.** Bagaimana saya boleh menolong para saudari saya untuk mencapai potensi mereka sebagai anak-anak perempuan Tuhan?
- 2.** Bagaimana saya boleh mengaplikasikan nasihat dan amaran yang diberikan kepada para wanita dalam Ajaran dan Perjanjian 25 dalam hidup saya?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.